

**DERAF TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
***ECO TOURISM; SEBERANG PERAI 'S POTENTIALITY***  
**14 DISEMBER 2015 (ISNIN), JAM 9.00 PAGI**  
**THE LIGHT HOTEL**

---

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis -Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Harun Pilus

Pengarah Tourism Malaysia Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Tan Choo Eng

Pengerusi *Malaysia Nature Society* (Cawangan Pulau Pinang)

Yang Berusaha Dr. Foong Swee Yeok  
Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kajihayat, USM

Yang Berusaha Encik Andrew J. Sebastian  
Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Eko-Pelancongan dan Pemuliharaan  
Malaysia (ECOmy)

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir ke program Majlis Perasmian *Eco Tourism Forum 2015* pada pagi ini. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan semua yang hadir pada pagi ini ke Majlis Perasmian *Eco Tourism Forum 2015*.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

*Eco tourism* merupakan satu industri yang sedang berkembang pesat pada masa kini. Selain daripada menjana pendapatan ia juga dapat mempromosikan usaha-usaha ke arah memelihara dan memulihara flora dan fauna. Kebanyakan negara-negara maju banyak memberikan tumpuan dan perhatian yang khusus kepada sektor *eco tourism* kerana ia menjadi satu kaedah yang berkesan dalam pembangunan lestari.

Untuk makluman semua,

Pada tahun 2013, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) telah meluluskan satu resolusi yang mengiktiraf peranan sektor *eco tourism* dalam membasmi kemiskinan dan memelihara alam sekitar. PBB telah menyeru agar negara-negara anggotanya untuk mengamalkan polisi yang mempromosi sektor *eco tourism* kerana sektor berkenaan bukan sahaja dapat menjana pendapatan penduduk setempat tetapi ia juga

akan mewujudkan peluang untuk pemuliharan, pemeliharan dan kelestarian alam sekitar.

Pelancongan merupakan sektor penting bagi negeri Pulau Pinang untuk menjana pendapatan. Oleh itu, tidak dinafikan Seberang Perai merupakan kawasan yang kaya dengan alam semulajadi yang juga boleh menjadi destinasi *eco tourism* utama di rantau ini. Terdapat 10 kawasan di Seberang Perai Utara, yang mempunyai aspek *eco tourism* yang boleh menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri seperti Pantai Bagan Ajam, Taman Rekreasi Teluk Air Tawar, Pantai Molek atau dikenali sebagai Pantai Robina, Pantai Bersih, Kuala Bekah, Pantai Penaga, Sungai *Muda Sanctuary Park*, Taman Rekreasi Pantai Kamloon, *Bertam Vision Park* dan Pusat Rekreasi Ayer Itam Dalam. Tidak dilupakan juga satu (1) lagi kawasan *eco tourism* di Seberang Perai Selatan iaitu *New Recreation Park Bryam Estate* yang terletak di Pulau Burung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MPSP telah menjalankan beberapa usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar pelancongan dengan menyediakan *tourist map*, *heritage trail* dan *coffee table book*. Jika dirujuk di dalam *tourist map*, Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, Sungai Dua begitu kaya dengan

flora dan fauna serta paya bakau. Taman rekreasi ini telah menjadi popular untuk *birding spot* kepada pelancong samaada jauh dan dekat. Dengan hasil usaha sendiri MPSP telah mengeluarkan edisi ke tiga (3) *touris map*. Ini merupakan salah satu usaha daripada MPSP untuk promosikan kawasan *eco tourism*. Selain itu, MPSP juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelancongan dan Warisan yang menjalankan usaha-usaha untuk menaikkan nama beberapa tempat yang berpotensi untuk *eco tourism* seperti di kawasan Teluk Air Tawar, Guar Kepah, Pulau Aman dan lain-lain.

Hutan Rekreasi ini kaya dengan alam semula jadi dan mempunyai pelbagai jenis hidupan liar seperti monyet, pelbagai jenis burung seperti helang, burung hantu dan pelbagai jenis burung migrasi dan sebagainya. Walaupun penduduk tempatan tidak berapa mengenali kawasan ini sebagai idestinasi pelancongan, terdapat pelancong-pelancong asing terutamanya dari Korea dan Jepun yang melawat tempat ini, dan mempopularkan destinasi dan homestay di kawasan berkenaan.

Bagi pencinta burung mereka boleh memerhati pelbagai sepsis burung di *New Recreation Park Bryam Estate* di Pulau Burung. Terdapat sekurang-kurangnya 30 spesis burung termasuk *migration birds*. Landfill Operator

PLB Terang Sdn. Bhd. menyediakan kemudahan bagi menggalakkan aktiviti *bird watching* seperti 20 kerusi batu dan *gazebo*.

Kawasan hutan paya laut di sekitar Kuala Bekah berdekatan Penaga di Seberang Perai Utara adalah kawasan hijau dan merupakan kawasan burung hijrah (*migratory birds*) untuk tinggal di kawasan ini selama 6 bulan setiap tahun. Dianggarkan lebih kurang 100 spesis burung berhijrah ke sini setiap tahun. Ada juga sepsis burung yang jarang ditemui. Oleh itu, jika kawasan ini dijadikan *Nature and Wildlife Reserve*, ia pastinya akan memacu aktiviti *eco tourism* di kawasan Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Menurut *CEO Ecotourism & Conservation Society of Malaysia (ECOMY)*, industri ecotourism dengan penekanan kepada aspek '*bird watching*', yang dikenali sebagai '*avitourism*' adalah satu industri yang amat berpotensi dari segi ekonomi. Di United Kingdom terdapat lebih 1 juta orang ahli dalam *Royal Society for The Protection of Birds* dan terdapat 44 juta orang *birdwatchers* yang aktif di Amerika. Aktiviti *birdwatching* di USA, Canada dan Mexico menjana pendapatan sebanyak US\$25 Billion (RM120 Billion) dan memberi peluang kerjaya kepada lebih 60,000 orang.

Sudah tiba masanya, industri pelancongan kita memberi tumpuan kepada asset alam semula jadi di Seberang Perai untuk menggalakan ekonomi tempatan dan menjadikan Pulau Pinang destinasi utama pelancong dari dalam dan luar negeri. Forum ini akan membincangkan tentang potensi sektor *eco tourism* di Seberang Perai dan bagaimana kekayaan alam semula jadi di Seberang Perai dapat dijadikan tarikan pelancong, yang akan menjana pendapatan penduduk setempat dan usaha-usaha konservasi.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya berharap agar *eco tourism* dapat menjana ekonomi penduduk Seberang Perai disamping mengekalkan dan memulihara flora dan fauna di sekitarnya.

Sekian terima kasih.